

# Harga liar dihang...

## Diesel: Mahathir seruh semua bekerjasama

Oleh RUHANIE AHMAD

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Kerajaan tidak akan membiarkan harga petrol, khususnya diesel, ditentukan oleh kuasa-kuasa pasaran terbuka kerana amalan itu akan mendatangkan akibat buruk serta sukar diselesaikan, demikian ditegaskan oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, malam ini. Penentuan harga oleh kuasa pasaran

bebas bermakna rakyat akan dibebankan dengan kenaikan harga petrol tanpa sebarang subsidi.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, amalan tersebut akan menimbulkan masalah buruk termasuk kesan inflasi kepada rakyat.

"Kita mesti sedar kenaikan harga minyak mempunyai pertalian langsung dengan kenaikan kos berbagai barang," tegas beliau.

Pemangku Perdana Menteri menegaskan demikian ketika berdialog dengan para wartawan tempatan, wakil Syarikat Minyak ESSO, wakil Persatuan Pengedar Minyak Malaysia serta wakil Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Malaysia dalam program TV Malaysia berjudul *Ehual Semasa*.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan apabila OPEC mengumumkan kenaikan harga petrol sebanyak 25 peratus, Kerajaan mempunyai dua alternatif menghadapi itu tersebut.

Pertama, ialah menambah jumlah subsidi untuk petrol dan keduanya, menaikkan harga minyak tanpa sebarang subsidi.

### Dua pemecahan

Kerajaan, katanya, menyatakan kedua alternatif tersebut dengan menaikkan harga ke peringkat minima serta menambah subsidi.

Langkah tersebut, jelas beliau, terpaksa dijalankan kerana Malaysia berada di tengah-tengah negara-negara tidak mempunyai sumber minyak seperti Thailand dan Singapura.

Sekiranya Kerajaan tidak menaikkan harga, tetapi menambah subsidi sahaja, Datuk Seri Dr. Mahathir yakin minyak di Malaysia akan "dicurahkan" keluar ke negara jiran.

"Walaupun kita menaikkan harga dan menambah subsidi, kita masih dapat minyak kita yang diseludup keluar oleh golongan tidak bertanggungjawab," tegasnya lagi.

Kenaikan harga minyak dan pertambahan subsidi yang dijalankan oleh Kerajaan dibuat atas pertimbangan yang praktikal.

Selanjutnya Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa itu minyak negara sekarang bukanlah berpunca dari harga, tetapi berpunca dari kekurangan bekalan seluruh dunia.

Kekurangan sekarang, katanya, mungkin dapat diatasi sekiranya para pengguna sendiri bertanggungjawab, tidak menyimpan bahan tersebut terlalu banyak, tidak menyorok, tidak menyeludup dan tidak menjualnya menerusi pasaran gelap.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, katanya, hanya mempunyai 150 orang Pegawai Penguatkuasa dan sudah tentu mereka tidak dapat menyalat semua perbuatan tidak bertanggungjawab mengenai minyak ke seluruh negara.

"Kerajaan boleh mencurahkan minyak tanpa sekatan ke negara ini, tapi saya yakin kekurangan minyak tidak akan selesai sekiranya para pengguna tidak bertanggungjawab dan enggan bekerjasama menentukkan tiada penyorokan dan penyeludupan," katanya.

Sementara itu, wakil Persatuan Pengedar Minyak Malaysia, Raja Zaxman Shah merayu pengedar-pengedar juga memainkan peranan agar Kerajaan mengarahkan syarikat minyak memberi bekalan diesel yang mencukupi.

Wakil Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Malaysia, Datuk Soplee Shekh Ibrahim pula menyetujui seruan Datuk Seri Dr. Mahathir agar pengguna memainkan peranan mengurangkan keruncingan kekurangan bekalan minyak sekarang,

No Siri ..... 2189  
No. Penerimaan ..... 365/82

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia